



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2013

TABUNG WIRA NEGARA

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk memaklumkan mengenai penubuhan Tabung Wira Negara dan pelaksanaannya.

LATAR BELAKANG

2. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga Belas (MAPPA XIII) pada 11 Mac 2013, telah melancarkan Tabung Wira Negara (TWN). TWN ini bertujuan untuk mengiktiraf dan menyanjung tinggi perjuangan dan pengorbanan wira-wira negara semasa berjuang mempertahankan kedaulatan negara antaranya seperti di Lahad Datu dan Semporna, Sabah.

PENGURUSAN TABUNG

3. TWN ini, yang akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), adalah satu inisiatif untuk mengumpul sumbangan daripada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan/ Perkhidmatan Awam Negeri/ Badan Berkanun Persekutuan/ Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

4. Sehubungan dengan itu, semua agensi dipohon untuk membuat kutipan di peringkat agensi masing-masing. Kutipan hendaklah disalurkan ke akaun **No. Akaun 1054 9000 3651 (Affin Bank)** atas nama “**TABUNG WIRA NEGARA**” yang diuruskan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA **sebelum atau pada 7 April 2013**.

5. Kutipan ini akan diserahkan oleh Ketua Setiausaha Negara kepada pihak yang diamanahkan bagi membantu keluarga anggota keselamatan yang terkorban dan anggota keselamatan yang tercedera semasa menjalankan tugas demi mempertahankan kedaulatan negara.

6. Sebarang pertanyaan berhubung TWN bolehlah diajukan kepada pegawai dan talian seperti ketetapan berikut:

Nama : Tuan Haji Azmi bin Saad
No. Telefon : 03-8885 4135 | 019-330 0857

Nama : Puan Hatimah binti Hamid
No. Telefon : 03-8885 4970 | 012-620 1910

Nama : Puan Nur Azita binti Abd Aziz

No. Telefon : 03-8885 4123 | 019-635 6488

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

21 Mac 2013

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri)

Semua Pihak Berkuasa Tempatan